



**MAJLIS DAERAH TANGKAK**

**PERMOHONAN UNTUK MENGGISI JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** atau warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Tangkak seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>JAWATAN/GRED/ TARAF JAWATAN</b>	<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM</b>
<b>1</b>	<b>PEMBANTU AWAM GRED H11 ( 1 KEKOSONGAN - TETAP) ( 3 KEKOSONGAN – KONTRAK)</b>	<b>PERKHIDMATAN KEMAHIRAN</b>	<b>RM 1,218.00 – RM 2,939.00</b>

**\* SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN**

Keterangan lanjut mengenai lantikan jawatan kosong yang diiklankan boleh didapati di laman web rasmi Majlis Daerah Tangkak iaitu [www.mdtangkak.gov.my](http://www.mdtangkak.gov.my) dan di papan kenyataan Majlis Daerah Tangkak.

**\* CARA MEMOHON SERTA MENDAPATKAN BORANG**

Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web : [www.mdtangkak.gov.my](http://www.mdtangkak.gov.my) atau di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan pada hari Ahad hingga Rabu dari jam 08.00 pagi hingga 05.00 petang, dan hari Khamis dari jam 08.00 pagi hingga 03.30 petang dengan bayaran RM 1.00/set.

Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
84900 TANGKAK, JOHOR**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 JUN 2022 ( RABU )**



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Ruj Fail : MDT 1/9/43 JLD.VI ( 61 )

Pemberitahu adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia. Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

1. **SKIM PERKHIDMATAN** : **PEMBANTU AWAM GRED H11**
2. **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERKHIDMATAN KEMAHIRAN**
3. **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
4. **TARAF JAWATAN** : **TETAP**
5. **JADUAL GAJI MINIMUM** : **RM 1,218.00**  
**JADUAL GAJI MAKSIMUM** : **RM 2,939.00**
6. **SYARAT LANTIKAN**
  1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) Warganegara Malaysia;
    - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00).
7. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
8. **TEMPOH PERCUBAAN**

Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun
9. **LATIHAN**

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan /Perkhidmatan yang berkenaan.



- (c) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Kuasa-Kuasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan Bil. 18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan ) 2012.
- (d) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (e) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
TANGKAK**

***RY/MRM/BSM/2022***